



22 FEB, 2025

TNB perlu elak tekanan berlebihan

Utusan Malaysia, Malaysia



# TNB perlu elak tekanan berlebihan

**PETALING JAYA:** Ketua jurulatih Tenaga Nasional Berhad (TNB), Nor Saiful Zaini Nasiruddin mengakui pasukannya tidak boleh memberi tekanan yang keterlaluan kepada diri sendiri menjelang aksi final Piala TNB, hari ini.

Turun selaku penyandang juara, TNB dijadual menentang juara Liga Hoki Malaysia (LHM) dan Piala Sumbangsih musim ini iaitu Pasukan Hoki Terengganu (THT) pada aksi final di Stadium Hoki Nasional Bukit Jalil.

Nor Saiful Zaini berkata, tekanan pada aksi final tidak sama seperti perlawanan liga mahupun pusingan kalah mati lantas corak permainan ringkas perlu diterapkan oleh pemainnya bagi mengelak daripada melakukan kesilapan.

“Bermain sebagai pasukan itu yang pertama. Kemudian, bermain seperti yang dirancang serta pemain perlu buat sesuatu yang luar biasa.

“Jangan hilang banyak bola. Dapatkan kepercayaan antara satu sama lain kerana itu boleh kurangkan tekanan mereka. Kita ambil tekanan itu sebagai satu pasukan. Itu yang penting. Cara kita bermain adalah tidak memberi tekanan kepada sesiapa dalam padang,” katanya kepada pemberita di

“**Jangan hilang banyak bola. Dapatkan kepercayaan antara satu sama lain kerana itu boleh kurangkan tekanan mereka. Kita ambil tekanan itu sebagai pasukan. Itu yang penting.”**

sini semalam.

Dalam pada itu, pengalaman daripada kekalahan dalam aksi Piala Sumbangsih kepada THT menjadi rujukan kepada Nor Saiful Zaini agar pemainnya tidak mengulangi kesilapan yang sama.

“Kalau diingat semula, masa menentang THT dalam Piala Sumbangsih, kita turun untuk menang tetapi kita banyak buat kesilapan terutamanya di jentera serangan dan kita tidak bermain sebagai satu pasukan. Kami belajar daripada kesilapan itu,” katanya.